

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kesan positif kedatangan pelancong asing khususnya dari pasaran negara China susulan dari langkah untuk mengecualikan visa kepada pelancong China

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah 160,856 visa telah dikeluarkan bagi bulan April 2016 berbanding 104,192 pada bulan April 2015 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 54 peratus. Kesemua pusat pengeluaran seperti di Beijing, Shanghai, Guangzhou dan Kunming menunjukkan peningkatan antara 12 peratus dan 73 peratus dengan Guangzhou mencatat peningkatan tertinggi iaitu 73 peratus.

Secara kumulatif bulan Januari hingga April 2016, sejumlah 647,344 visa telah dikeluarkan berbanding dengan 352,575 untuk tempoh yang sama tahun 2015 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 83.6 peratus. Diharapkan peningkatan positif ini dapat berterusan bagi '*summer holiday*' (Jun – Julai 2016) yang akan datang.

Merujuk kepada maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 10 Mei 2016, statistik permohonan EVisa adalah berjumlah 15,896 permohonan manakala bagi Visa Free (Sistem ENTRi) pula adalah sebanyak 21,562 permohonan.

Sekian, terima kasih.